



## **SIARAN MEDIA**

### **KEMBAR ISTIMEWA AHMAD DAN MUHAMMAD TERUJA MENAIKI CRUISE TASIK PUTRAJAYA DAN SKYRIDES FESTIVALS PARKS PUTRAJAYA**

**Putrajaya, 16 Januari 2016** - Marina Putrajaya Sdn. Bhd. (MPSB) meraikan pasangan kembar istimewa Ahmad dan Muhammad Rosli dengan membawa mereka menaiki Cruise Tasik Putrajaya sambil menikmati pemandangan indah sepanjang pelayaran di Tasik Putrajaya dan menaiki belon Skyrides Festivals Parks Putrajaya dengan ketinggian 120 meter.

Pasangan kembar istimewa yang pernah menjadi tumpuan dunia satu ketika dahulu kerana dilahirkan bercantum badan di mana mereka telah berjaya di pisahkan melalui pembedahan di Arab Saudi pada 14 tahun yang lepas. Kini, pasangan kembar tersebut telah berusia 18 tahun dan baru sahaja selesai menduduki Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun lepas.

Ketua Pegawai Eksekutif MPSB, Dato' Zaharah Salamat berkata "Ini merupakan satu permulaan yang baik bagi tahun 2016 kerana dapat meraikan pasangan kembar istimewa ini sebagai salah satu tanggungjawab sosial kami. Kami amat mengagumi semangat mereka termasuk keluarga mereka yang begitu tabah berhadapan dengan pelbagai kesukaran sehingga ke hari ini. Pada kami, mereka adalah lambang kekentalan semangat dan keutuhan kasih sayang. Kami merasa terpanggil untuk meraikan mereka lebih-lebih lagi Cruise Tasik Putrajaya dan Skyride Festivals Parks Putrajaya sememangnya dilengkapi dengan kemudahan yang sesuai untuk Orang Kurang Upaya. Kami juga berharap dengan sumbangan kecil ini, kembar istimewa dan keluarga mereka mengetahui bahawa masih ada pihak yang mengambil berat mengenai mereka dan kami berharap pengalaman menaiki Cruise Tasik Putrajaya dan Skyride Festivals Parks Putrajaya akan menjadi antara kenangan terindah dalam hidup mereka" tambah beliau lagi.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi Mohd Saiful Azam Badri di talian 019-222 9128 atau email kepada [saifulazam@marinaputrajaya.com](mailto:safulazam@marinaputrajaya.com).

**(DATO' ZAHARAH SALAMAT)**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Marina Putrajaya Sdn. Bhd.

Tarikh : 16 Januari 2016